



NOTICE

APPLICATION FOR BACHELOR OF EDUCATION - JULY 2010 INTAKE

Please be informed that the above application is open to all students of CFS who will graduate at the end of Sem. 2 & 3, 2009/2010.

THE LIST OF PROGRAMMES OFFERED:-

NO.	CODE	PROGRAM OF STUDY	DURATION
1.	YT04	BACHELOR OF EDUCATION (GUIDANCE AND COUNSELING)	8 Semesters
2.	YT06	BACHELOR OF EDUCATION (TESL)	8 Semesters

Minimum Requirements

- 1) Graduating at the end of Sem. 2 & 3, 2009/2010 with final CGPA of 2.50 or above.*
- 2) Having Passed MEdSI (Conducted by MPM)- application thru MOHE's online system; web-site: www.mohe.gov.my*
- 3) Having Passed Interview - will be notified by A&R Division*

Important note:

Procedures on how to apply will be announced during briefing session which will commence as scheduled below:-

- 1) PJ campus : 30th December 2009/Al-Malik Faisal Hall / 1.00 pm*
- 2) Nilai Campus :30th December 2009 / Seminar Hall / 1.00 pm*

Prepared by: A&R Division, IIUM, Gombak.
Date issued: 21st December 2009
Valid until: 4th February 2010



JABATAN PENGURUSAN IPT
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA



Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia mempelawa calon Lulusan Asasi UIAM yang berminat mengikuti Program Pengajian **Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP)** Ambilan **JULY 2010**.

1) Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) Kod Program : YT04	2) Pendidikan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL) Kod Program : YT06
--	---

***Catatan**

1. Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) adalah program yang diselenggarakan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengurusan IPT, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
2. Hanya pemohon yang telah mengikuti 2 semester pengajian di IPTA dan mempunyai PNGK 2.75 di pelawa untuk memohon mendapatkan penajaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Calon perlu menghadiri temu duga dan memenuhi kriteria pemilihan yang ditetapkan oleh KPM sebelum terpilih untuk mendapat tajaan berkaitan.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Terbuka kepada Warganegara Malaysia sahaja yang tamat pengajian Program Asasi UIAM pada SEMESTER 2 & 3, 2009/2010 dengan CGPA 2.5
2. Pemohon mestilah berumur **tidak melebihi 30 tahun pada 1 Disember 2009** iaitu lahir pada atau selepas **1 Januari 1979**.
3. **Syarat AM**
 - 3.1 Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau Kejujutan Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai; **dan**
 - 3.2 Lulus mata pelajaran Matematik/Matematik Tambahan di peringkat SPM atau Matematik kertas Julai; **dan**
 - 3.3 Mempunyai kelulusan program Asasi UIAM sekurang – kurangnya PNGK 2.50 atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat universiti; **dan**
 - 3.4 Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam *Malaysian University English Test* (MUET). **Dan**
 - 3.5 Lulus **Ujian Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI)** dan temu duga yang di tetapkan.
4. **Syarat Khas**
Calon perlu memenuhi syarat khas program pengajian seperti yang dinyatakan dalam **SYARAT KHAS PROGRAM** Universiti. (Sila rujuk lampiran 1)
5. **Syarat Tambahan**
Calon yang memohon hendaklah sihat tubuh badan, tidak mengidap apa-apa penyakit mental atau fizikal yang serius, dan berupaya mengikuti program-program yang dirangka untuk program pengajian ini.
6. **Ujian dan temu duga**
Calon yang layak untuk mengikuti Program Pengajian Sarjana Muda Ijazah Pendidikan **diwajibkan menduduki ujian dan temu duga** yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Hanya calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menghadiri **ujian MEdSI**. Hebahan mengenai ujian MEdSI boleh disemak **mulai minggu kedua April 2010 melalui laman web www.mpm.edu.my** dan bagi menghadiri sesi **temu duga** pelajar akan dimaklumkan oleh pihak Universiti atau melalui laman web: www.iiu.edu.my/anr
7. **Pusat Ujian MEdSI**
Sila rujuk laman web : <https://upu.mohe.gov.my/> semasa membuat permohonan.

Nota : Segala perbelanjaan untuk menghadiri temu duga atau ujian adalah di bawah tanggungan calon.

PERMOHONAN APLIKASI DALAM TALIAN (ONLINE APPLICATION)

8. Permohonan kemasukan ke IPTA bagi Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Ambilan July 2010 adalah melalui **Aplikasi Dalam Talian (Online Application) sahaja**.
9. Calon boleh mengemukakan permohonan mulai 04 Januari 2010 hingga 04 Februari 2010. Kaedah mengemukakan permohonan adalah seperti berikut:-
 - Calon boleh melayari URL : <https://upu.mohe.gov.my/>
 - Permohonan Aplikasi Dalam Talian ini terbuka kepada **Warganegara Malaysia** yang mempunyai **Nombor Kad Pengenalan /MyKad sahaja**.
 - Calon perlu membeli dan mendapatkan Nombor Unik ID di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) berharga RM 15.60 di bawah Kategori Diploma/Setaraf untuk mengemukakan permohonan BSN akan mengeluarkan salinan resit pembayaran bersama-sama dengan Nombor Unik ID;
- 9.1 Setiap pembelian Nombor Unik ID, calon/wakil calon **diwajibkan menyertakan salinan Nombor Kad Pengenalan/ MyKad** untuk tujuan pemprosesan Nombor Unik ID bagi mengelakkan sebarang kesilapan;
- 9.2 **Kesilapan Nombor Kad Pengenalan/ MyKad** boleh menyebabkan calon tidak boleh memasuki sistem permohonan kemasukan ke IPTA melalui Aplikasi Dalam Talian;
- 9.3 Untuk mengemukakan permohonan Aplikasi Dalam Talian calon dikehendaki memasukkan butiran berikut:-
 - i. **Nombor Kad Pengenalan/ MyKad;**
 - ii. **Nombor Unik ID ; dan**
 - iii. **Kata Laluan (6-8 aksara alphanumerik)**
- 9.4 Pengesahan penerimaan permohonan melalui Aplikasi Dalam Talian akan diberitahu secara automatik sebaik sahaja diterima. Calon dinasihatkan mencetak maklumat pengesahan permohonan di akhir proses untuk simpanan dan rujukan;
- 9.5 Calon hanya dibenarkan membuat **dua(2) pilihan bidang Pengkhususan sahaja**;
- 9.6 Calon dibenarkan mengemukakan **satu(1) kali permohonan sahaja** dan **tiga(3) kali pengemaskinian** sehingga tarikh tutup permohonan.
- 9.7 **Calon dikehendaki mencetak maklumat permohonan dan menghantar bersama salinan MyKad, SPM, Transkrip penuh akademik dan sijil MUET ke alamat di bawah:**

PENGARAH
BAHAGIAN KEMASUKAN DAN REKOD
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA
JALAN GOMBAK, 53100 GOMBAK, SELANGOR
(U.P.: PUAN JAMILAH SAIDIN)

Nombor Telefon : 03-61964000/4048

e-mail: www.iiu.edu.my/anr

10. Permohonan boleh dibuat mulai **4 Januari 2010** dan tarikh tutup permohonan adalah pada **4 Februari 2010**.

**SYARAT KHAS PROGRAM
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA**

QUALIFICATION : CENTRE FOR FOUNDATION STUDIES IIUM (ASASI UIAM)	
(i) Programme of Study (ii) Code (iii) Duration of Study	Requirements
1. Bachelor of Education (Guidance and Counseling) YT04 8 Semesters	<ol style="list-style-type: none"> 1. At least a CGPA of 2.50 in final semester examination at IIUM Centre for Foundation Studies; and 2. At least 4B in English Language at SPM Level or MUET band 3; and 3. Credit at the SPM level in the following subjects: <ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam/ Pendidikan Al-Qur'an & As-Sunnah/ Pendidkan Syariah Islamiah; • Mathematics/ Additional Mathematics; • Any two (2) other subjects in SPM/equivalent in addition to Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia; and 4. Passed the MEdSI Test and interview.
2. Bachelor of Education (English Language) (Honours) YT06 8 Semesters	<ol style="list-style-type: none"> 1. At least a CGPA of 2.50 in final semester examination at IIUM Centre for Foundation Studies; and 2. At least 2A in English Language at SPM Level; and 3. MUET band 4; and 4. Credit at the SPM level in the following subjects: <ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam/ Pendidikan Al-Qur'an & As-Sunnah/ Pendidkan Syariah Islamiah; • Mathematics/ Additional Mathematics; • Any two (2) other subjects in addition to Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia; and 5. Passed the MEdSI Test and interview.



**INTERNATIONAL ISLAMIC
UNIVERSITY MALAYSIA**

**ADMISSIONS AND ENROLMENT PROCESS
FOR STUDENTS (ISMP)**

FLOW CHART

